

**Untuk Siaran Segera
28 Ogos 2026**

ASM 2 WAWASAN MENGUMUMKAN AGIHAN PENDAPATAN SEBANYAK 5.00 SEN SEUNIT

*RM1.31 bilion diagihkan kepada lebih 1 juta pemegang unit,
pengagihan pendapatan tertinggi dalam tempoh tujuh tahun yang lalu*

- Permodalan Nasional Berhad (PNB), melalui syarikat pengurusan unit amanah milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026.
- Pengagihan pendapatan ini berjumlah RM1.31 bilion, bersamaan 5.00 sen seunit, yang memanfaatkan lebih 1.01 juta pemegang unit dengan pegangan sebanyak 26.3 bilion unit. Agihan ini merupakan jumlah pulangan sebanyak 5.00%, mengatasi penanda arasnya, iaitu kadar Deposit Tetap Maybank 12 Bulan pada paras 2.01% sebanyak 299 mata asas. Sehingga 24 Ogos 2026, ASM 2 Wawasan mencatatkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM1.43 bilion.
- Pemegang unit yang telah memilih pengaturan Khultah (Kelas B) akan menerima dividen bersih selepas zakat, dengan potongan sebanyak 2.57% ke atas dividen tersebut, menjadikan anggaran dividen bersih sebanyak 4.87% berdasarkan kadar agihan yang diisytiharkan sebanyak 5.00%.

Kuala Lumpur, 28 Ogos 2026 – Permodalan Nasional Berhad (PNB), melalui syarikat pengurusan unit amanah milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2026.

Pengagihan pendapatan ini berjumlah RM1.31 bilion, bersamaan 5.00 sen seunit, dan merupakan pengagihan pendapatan tertinggi yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan dalam tempoh tujuh tahun yang lalu. Pengagihan ini memanfaatkan lebih 1.01 juta pemegang unit dengan pegangan sebanyak 26.3 bilion unit.

Kadar pengagihan sebanyak 5.00% ini mengatasi penanda arasnya, iaitu kadar Deposit Tetap Maybank 12 Bulan pada paras 2.01% sebanyak 299 mata asas. Sehingga 24 Ogos 2026, ASM 2 Wawasan mencatatkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM1.43 bilion.

Dana ini mencatatkan agihan pendapatan yang lebih tinggi sebanyak 5.00 sen seunit bagi tahun kewangan tersebut, meningkat daripada 4.75 sen seunit pada tahun sebelumnya. Prestasi yang lebih kukuh ini mencerminkan daya tahan dana dalam mengharungi persekitaran pelaburan yang semakin tidak menentu, yang dicirikan oleh peningkatan ketegangan geopolitik, termasuk konflik yang berterusan di Timur

Tengah, perubahan jangkaan kadar faedah serta ketidaktentuan pasaran yang berterusan.

Ini disokong oleh pengurusan portfolio yang berdisiplin, pengurusan risiko yang berhemat serta penempatan pelaburan secara terpilih dalam segmen yang mempunyai potensi pertumbuhan struktur yang kukuh.

Pendapatan dana disokong oleh keuntungan terealisasi dan pendapatan dividen daripada pelaburan yang dipelbagaikan merentasi ekuiti domestik dan global. Pada masa yang sama, peruntukan dalam instrumen pendapatan tetap, hartanah dan ekuiti persendirian menyumbang kepada kepelbagaian sumber pendapatan yang lebih meluas serta membantu mengurangkan kesan perubahan keadaan pasaran terhadap portfolio.

Pemegang unit yang telah memilih pengaturan zakat khultah (Kelas B) akan menerima dividen bersih selepas zakat, dengan potongan sebanyak 2.57% daripada dividen, yang menghasilkan anggaran kadar dividen bersih sebanyak 4.87% berdasarkan kadar agihan yang diisytiharkan sebanyak 5.00%.

ASNB Terus Menggalakkan Pelaburan Jangka Panjang

Financial Planning Solution Package (FPSP)

ASNB terus menggalakkan para pelabur untuk mempelbagaikan portfolio mereka melalui *Financial Planning Solution Package (FPSP) 2026*, yang menggabungkan dana harga tetap dan dana harga berubah dalam satu penyelesaian pelaburan yang menawarkan potensi pertumbuhan. Melalui FPSP 2026, pelabur boleh mendapatkan peruntukan ASM bersamaan 40% daripada pelaburan FPSP mereka, serta berpeluang memperkukuh simpanan jangka panjang dan mendapatkan pendedahan kepada rangkaian dana ASNB yang lebih luas sebagai sebahagian daripada perancangan kewangan mereka. Berlangsung dari 1 Julai 2026 hingga 31 Disember 2026, pakej ini terbuka kepada pelabur Malaysia yang layak, dengan jumlah pelaburan minimum sebanyak RM10,000, dan boleh didapati melalui saluran ASNB yang mengambil bahagian.

Kempen Geng Labur

Sebagai pelengkap kepada usaha menggalakkan daya tahan kewangan dan pelaburan jangka panjang, ASNB baru-baru ini melancarkan kempen Geng Labur ASB, yang memberi tumpuan kepada ASB bagi menggalakkan rakyat Malaysia melabur bersama keluarga dan rakan-rakan ke arah mencapai matlamat kewangan bersama. Berlangsung dari 1 Ogos 2026 hingga 31 Januari 2027, kempen ini menawarkan peluang kepada para peserta untuk memenangi pakej percutian tajaan penuh ke Hokkaido, Jepun dan KwaZulu-Natal, Afrika Selatan, serta penginapan di resort premium tempatan.

Pengiraan Agihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana

Pengiraan agihan pendapatan bagi ASM 2 Wawasan adalah berdasarkan purata baki minimum bulanan yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana. Agihan yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2026.

Urus niaga ASM 2 Wawasan di cawangan dan ejen ASNB, termasuk melalui semua saluran dalam talian dan perbankan internet, akan ditangguhkan sementara dari 28 hingga 31 Ogos 2026 bagi memudahkan pengiraan agihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyambung semula urus niaga melalui portal myASNB (www.myasnb.com.my), aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 September 2026.

Untuk sebarang perkembangan lanjut, sila layari <https://www.asnb.com.my/V2/covr.php> atau ikuti saluran media sosial rasmi ASNB.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) lebih 300 bilion unit daripada lebih 17 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan)

ASM 2 Wawasan (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020) merupakan unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996. Ia adalah dana aset campuran/pendapatan sesuai untuk pelabur yang memahami hubung kait antara risiko dan pulangan pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) serta untuk menerima pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2026
Dana Harga Tetap



ASM 2 Wawasan



Jumlah Pengagihan

5.00
sen seunit



Jumlah Pengagihan Kelas B

4.87 sen
seunit

Nota

Kelas A: Semua pemegang unit dana harga tetap sedia ada secara automatik dalam Kelas A. Pemegang unit akan menerima pengagihan pendapatan secara penuh, tanpa sebarang potongan zakat.


Kelas B: Bagi pemegang unit Muslim yang memilih untuk menerima pengagihan pendapatan selepas potongan zakat.

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi dana masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2026
Dana Harga Tetap

Mengatasi pulangan kadar deposit tetap
sebanyak 2.99%, prestasi terbaik
dalam tempoh 7 tahun



Nota: Graf ini hanya memaparkan prestasi bagi tiga tahun terkini (2024 - 2026)
* Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga 27 Ogos 2026

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi dana masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2026
Dana Harga Tetap

Formula pengiraan
kadar pendapatan kelas B

$$\text{Kadar agihan} - \left(\text{Kadar zakat} \times \text{Kadar agihan} \right) = \text{Kadar agihan kelas B}$$

Pengiraan kadar pendapatan kelas B

$$5.00\% - \left(2.57\% \times 5.00\% \right) = 4.87\%$$